



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (K&P)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**12 JULAI 2019 (JUMAAT)**



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

**12 JULAI 2019 (JUMAAT)**

24 **setempat**

12-07-2019

Muhaamad Hafis Nawawi  
mhafis@metro.com.my

**Kuala Lumpur**

**D**emi mengaut keuntungan, sindiket menjual dakwat tiruan menggunakan kartus pita (cartridge) terpakai pelbagai jenama pada harga lebih murah untuk pasaran di Lembah Klang.

Bagaimanapun, modus operandi sindiket itu yang beroperasi sejak setahun lalu terbongkar selepas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) menyerbu lima premis, kelmarin.

Serbuan jam 4.30 petang itu membabitkan 13 pegawai penguat kuasa KPDNHEP dan wakil pemilik cap dagang berdaftar di sekitar Kampung Kerdas, Stesen Minyak Petron Sungai Besi, Taman Bukit Teratal, Taman Maluri serta Taman Komersial Pandan Indah, di sini, hasil risikan selama tiga bulan.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP WPKL,

Azeem Nazuri berkata, pihaknya merampas 739 unit cartridge menggunakan dakwat tiruan dengan perihai dagangan palsu jenama terkenal dianggarkan bernilai RM78,647.

Katanya, turut disita ialah satu komputer dan mesin mencetak pelbagai model jenama terkenal.

"Kita turut menahan enam individu iaitu lima lelaki dan seorang wanita berusia 30 hingga 35 tahun di mana ada dalam kalangan mereka adalah pemilik premis.

"Siasatan kita mendapati premis itu dimiliki sindiket sama yang menjalankan kegiatan ini, malah mereka turut memiliki kotak pembungkusan asli yang dibeli di pasaran barangan terpakai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Stor Simpanan KPDNHEP WPKL di Jalan Segambut di sini, semalam.

Azeem berkata, sindiket mampu mengaut keuntungan mencecah RM250,000



AZEEM (kanan) menunjukkan dakwat yang dirampas dalam serbuan di Lembah Klang.

**FAKTA**  
KPDNHEP rampas 739 cartridge guna dakwat tiruan bernilai RM78,647

# Jual dakwat tiruan

■ Sindiket kaut untung guna cartridge terpakai jenama terkenal

di mana setiap unit cartridge palsu berkenaan dijual pada harga antara RM100 hingga RM250 di pasaran.

"Mereka menyasarkan pasaran jualan di sekitar Lembah Klang dan dijual apabila

mendapat tempahan, malah sukar untuk membezakan barangan tiruan terbabit dengan tulen kerana ia menggunakan kotak dan cartridge tulen," katanya.

Sementara itu, Azeem ber-

kata, sepanjang tahun ini, sebanyak 62 kes disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Perihai Dagangan 2011 dengan jumlah sitaan 52,936 unit bernilai RM1,984,008.

Menurutnya, KPDNHEP

memberi amaran akan mengambil tindakan keras terhadap mana-mana individu atau syarikat yang melanggar undang-undang khususnya membabitkan penjualan dan pendedaran barangan tiruan.

## KPDNHEP Pulau Pinang lupus barangan bernilai RM3.4j

**Bukit Mertajam:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang melupuskan pelbagai barangan bernilai lebih RM3.4 juta sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

Itu membabitkan 147 kes kesalahan perihal dagangan dikendalikan kementerian terbabit, yang sudah selesai dan dijatuhkan hukuman dan pemilikan dikenakan tindakan kompaun.

Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar, berkata antara barangan dilupuskan adalah beg tangan wanita pelbagai jenama antarabangsa, dompet, tali pinggang, jam tangan, aksesori telefon bimbit, tong ais dan paip penyambung gas.

“Kita turut melupuskan barangan kes membabitkan makanan dan minuman ringan yang didapati tiruan serta 4,759 unit katrij dan toner tiruan yang bernilai lebih RM1.76 juta.

“Sepanjang tempoh enam bulan ini, secara keseluruhannya kita sudah melupuskan pelbagai jenis barangan kes membabitkan nilai lebih RM3.4 juta,” katanya di Kompleks Penyimpanan Eks-hibit KPDNHEP Pulau Pinang, di sini semalam.

Katanya, semua barangan dilupuskan itu, termasuk dari Pejabat KPDNHEP Cawangan Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara.

“Kita mengambil tindakan pelupusan ini apabila kes dibicarakan di mahkamah sudah selesai diambil tindakan bagi semua peringkat.

“Proses pelupusan ini secara berterusan dari masa ke masa,” katanya.

# Guna timbang tamat tempoh

**Seramai 11  
peniaga durian  
di Raub bakal  
kena tindakan**

AIMAN SADIQ ABDULLAH

RAUB

**S**eramai 11 peniaga durian di daerah ini akan dikenakan kompaun kerana didapati menggunakan alat timbang dan sukat tamat tempoh.

Tindakan mereka dikesan oleh pegawai Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal E-hwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Raub ketika operasi di sekitar daerah itu pada 8 dan 9 Julai lalu.

Ketuanya, Abdul Mubin Ahmad berkata, kesemua peniaga durian terbahit didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14(6) Akta Timbang dan Sukat 1972.

Menurutnya, kesemua mereka tidak membuat pemeriksaan alat penimbang yang digunakan dan kegagalan itu boleh menimbulkan keraguan dalam kalangan pembeli.

"Perbuatan mereka dikesan selepas KPDNHEP dan Metrology Corporation Malaysia (MCM) men-



Pegawai KPDNHEP Cawangan Raub dan MCM menjalankan operasi sekitar Sungai Ruan dan Jalan Tras Isnin serta Selasa lalu.

jalankan operasi di sekitar Sungai Ruan dan Jalan Tras.

"Sebanyak 30 gerai diperiksa dan 11 daripadanya dikesan melakukan kesalahan menggunakan timbang tamat tempoh sah.

"Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh didenda RM40,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Abdul Mubin berkata, operasi giat dijalankan bagi memberikan penjelasan kepada masyarakat mengenai kepentingan ketepatan timbang dan sukat dalam perniagaan.

Menurutnya, orang awam juga dinasihatkan

supaya tidak mudah terpedaya dengan peniaga yang ingin mengambil kesempatan dalam urus niaga melibatkan timbangan.

"Kita turut merampas 11 alat timbangan untuk tujuan siasatan. Operasi ini akan diteruskan sehingga berakhirnya musim durian di daerah ini.

"Kepada peniaga, sila gunakan alat timbang yang telah disahkan bagi memastikan ketepatan timbangan," katanya.

Orang ramai boleh menyalurkan sebarang aduan kepada KPDNHEP antaranya menerusi 1 Malaysia One Call Centre 03-80008000 dan Pusat Informasi dan Gerakan Operasi Strategik di talian 03-88826088.